

# 1.8 tan sampah dikutip di pantai ODEC, UMS

DE 22.2.2019 2

KOTA KINABALU: Seramai 1,000 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan gotong-royong perdana bagi membersihkan kawasan pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC) UMS Rabu lepas dan hasilnya, 1.8 tan sampah berjaya dikutip.

Pengerusi penganjur Prof Dr. Rossita Shapawi berkata gotong royong itu diadakan bagi memastikan kebersihan di kawasan pantai berkenaan terpelihara, selain bertujuan memupuk semangat sayangkan pantai yang kini menjadi salah satu perkara yang ingin diterapkan pengurusan pihak UMS.

“Seperti yang kita sedia maklum, pantai ODEC merupakan tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara, maka warga UMS sendiri perlu komited memastikan persekitaran pantai sentiasa dalam keadaan terpelihara dan bersih,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Rossita yang juga Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) berkata, penganjuran program itu secara tidak langsung turut mendidik para pengunjung yang datang melawat ke pantai itu untuk sama-sama menjaga kebersihan pantai.

“Pantai ODEC berupaya menjadi pantai tarikan pelancong yang utama di bandar raya Kota Kinabalu apatah lagi usaha yang ditunjukkan oleh warga UMS yang terus menerus mengadakan program-program membersihkan pantai tanpa henti menerusi Fakulti, Institut, Jabatan dan Pusat.

“Dahulu Pantai ODEC ini terasa sunyi dan sedikit terbiar, namun apabila kita memperkenalkan konsep pelancongan eko-kampus, kita melihat pantai ODEC sebagai nadi utama pelancongan berasaskan pendidikan,” katanya. - Bernama